

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS]

NO. SOALAN : 42

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kementerian tidak berhasrat untuk mewujudkan taman permainan kanak-kanak di kawasan Parlimen Pasir Mas.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Jabatan Landskap Negara (JLN) telah menggariskan polisi iaitu bagi mewujudkan taman permainan kanak-kanak di setiap kawasan perumahan dan juga kawasan-kawasan bandar di seluruh Negara. Walau bagaimanapun, ia bergantung kepada kesesuaian dan kesediaan tapak oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Yang Berhormat Pasir Mas dinasihatkan untuk berhubung dengan pihak PBT untuk mengemukakan cadangan lokasi untuk dijadikan taman permainan kanak-kanak. Sekiranya lokasi yang dicadangkan adalah 3 ekar dan ke atas, maka ianya akan diuruskan oleh JLN dengan peruntukan dari JLN. Sekiranya kurang dari 3 ekar, maka ianya adalah di bawah tanggungjawab dan peruntukan PBT itu sendiri.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, PBT di Negeri Kelantan tidak mempunyai jabatan landskapnya sendiri. Ini menyulitkan urusan antara JLN dan PBT-PBT di Negeri Kelantan. Disyorkan Yang Berhormat mengusulkan supaya Kerajaan Negeri Kelantan membentuk Jabatan Landskap di PBT-PBT.